

01/07/2001

Pasal senang orang Melayu cepat lupa

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata orang Melayu cepat lupa. Kiau kata bukan saja cepat lupa tapi selalu alpa. Tapi nak salahkan orang Melayu saja pun tak adil juga.

Bukan orang Melayu saja yang cepat lupa. Pemimpin Melayu pun kerap juga cepat lupa. Apabila Kiau kata pemimpin, Kiau tidak hadkan kepada pemimpin politik saja. Dan apabila Kiau kata pemimpin politik, Kiau tak hadkan kepada pemimpin Umno saja.

Apabila kita cakap pasal pemimpin, kita kena babitkan semua orang dan pihak yang ada kuasa ke atas orang lain, daripada tok imam kepada penghulu, guru, pegawai daerah, pegawai tadbir dan pensyarah.

Kiau berasa yang jadi masalah bukan sekadar orang Melayu cepat lupa. Tidak kurang pentingnya ialah sebab dan punca orang Melayu cepat lupa.

Kiau bukan ahli antropologi yang kaji mengenai manusia, tapi sikit sebanyak Kiau faham tabiat manusia, khususnya manusia Melayu.

Tak betul kalau kita kata orang Melayu cepat lupa. Tak percaya cuba cari orang Melayu yang makan ubi kayu dan dipaksa naik pokok kelapa pada zaman Jepun atau yang diseksa oleh pegganas Bintang Tiga selepas Jepun kalah.

Tak percaya tanya orang Melayu yang hidup sehelai sepinggang, duduk di rumah robek dan makan sekali sehari sebelum merdeka. Tak percaya tanya orang Melayu yang buta huruf dan yang tak pernah kenal ubat moden.

Tanya orang Melayu yang kudung tangan dibaham buaya waktu mandi di sungai atau yang anaknya mati lemas waktu harung air bah dalam perjalanan ke sekolah.

Orang Melayu tidak cepat lupa. Yang cepat lupa ialah orang Melayu yang buta sejarah, sama ada pasal dia buta huruf atau buta hati. Yang cepat lupa ialah orang Melayu yang jadi kaya raya dan senang lenang kerana kuota, biasiswa, pinjaman Mara dan projek raksasa.

Yang cepat lupa ialah orang Melayu yang tak bersyukur dan tak berterima kasih. Yang cepat lupa ialah orang Melayu yang apabila lahir semua sudah ada. Sekolah ada, pusat kesihatan ada, jalan raya ada, bas Mara ada, kereta ada, motosikal ada.

Orang Melayu cepat lupa pasal kerap sangat disogok kerana mahukan undi dan sokongan. Orang Melayu cepat lupa pasal kerap sangat dijanjikan perlindungan dan bantuan, biasiswa dan hak istimewa.

Orang Melayu cepat lupa pasal biar macam mana teruk pun krisis ekonomi, dapur mereka bersap juga - ada subsidi, ada bantuan khas dan ada skim siswazah menganggur.

Soalnya macam mana nak buat orang Melayu jangan cepat lupa dan jangan alpa mudah saja. Tarik balik kuota, kurangkan biasiswa, ketatkan syarat pinjaman Mara dan bagi tahu mereka hak istimewa bukan untuk selamanya.

Apabila terjadi kemelesetan ekonomi jangan cepat sangat dipulihkan. Biar lama sikit. Biar teruk sikit. Apabila Wira, Kancil dan Kriss ditarik balik pasal tak berdaya bayar ansuran, baru orang Melayu ingat betapa beruntungnya mereka.

Biar Pas yakinkan mereka kuota tak perlu pasal rakyat Malaysia mesti sama rata. Biar Pas yakinkan mereka biasiswa dan pinjaman Mara tak berguna. Biar Pas bagi tahu mereka Wira, Kancil dan Kriss tak ada makna pasal dunia ini hanya sementara.

Oh! ya, sebelum Kiau lupa, Kiau dibagi tahu masalah dadah dan jenayah makin teruk di Kelantan dan mula merebak di Terengganu - dua syurga Pas.

Khabarnya di Kelantan ada kampung yang seratus peratus sarang penagih. Di Terengganu pula, kes dadah mula meningkat. Ada lebih 5,000 penagih berdaftar di negeri itu. Kalau dikira yang tak berdaftar tentulah lebih ramai.

Kerana dadah dan pengangguran yang bertambah, maka bertambah pulalah jenayah. Lumba haram menjadi-jadi. Jenayah ragut dan pecah rumah tambah merebak.

Boleh jadi juga apabila anak dan cucu sudah jadi penagih, rumah kena pecah dan beg tangan kena ragut barulah orang Melayu ingat dunia dan akhirat sama penting. Kalau di dunia susah, belum tentu di akhirat senang.

Jadi orang Melayu janganlah cepat sangat lupa dan mudah sangat alpa.

(END)